

ADAT LAMA PERKAHWINAN ORANG MELAYU MUAR

HAJI KHAMIS HAJI JUNED*

PENDAHULUAN

Kata perumpamaan Melayu, lain lubuk lain ikan, lain padang lain belalang. Begitulah keadaan manusia lain tempat lain adat, lain negeri lain budaya hidupnya. Dulu lain sekarang lain, dulu ada sekarang tiada sebaliknya dulu tiada sekarang pula ada. Perubahan selalu berlaku dari satu masa ke satu masa, mungkin dengan kerana pengaruh luar atau pun mengikut selera masyarakat tempat itu sendiri. Ada yang lebih suka mengambil jalan ringkas dan pantas, tiada mahu terikat sangat dengan adat lama yang membosankan dan sebaliknya ada pula yang mengadakan adat-adat baru yang kadang-kadang lebih membebankan. Begitulah budaya hidup masyarakat Melayu pada hari ini yang selalu berubah dan tidak sama pula di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain.

Sehubungan dengan itu mari kita tinjau kembali adat lama perkahwinan orang Melayu Muar yang saya fokaskan kepada satu kawasan petempatan lama orang Melayu yang dinamakan Padang. Mengikut *Sejarah Ringkas Muar* yang disusun oleh Dato' Haji Abdul Shukur Ismail sempena sambutan 100 Tahun Bandar Maharani Muar dan cerita lisan orang-orang tua bahawa Kawasan Padang telah diteroka dan dibuka kembali pada tahun 1706 oleh Tok Makmun atau ada juga orang menyebut Tok Maimon yang datang dari Merlimau Melaka. Manakala Padang yang asal sebenarnya telah wujud sejak Portugis berada di Melaka lagi. Tempat yang dibuka semula itu dinamakan Parit Sakai Lama atau ada juga orang menyebut Parit Sakai Buruk. Masih ada lagi kesan sejarahnya sekarang ini begitu juga dalam surat-surat lama kerajaan Muar pun ada menyebut Parit Sakai Lama itu. Kampung lama yang

* Penulis adalah ahli sejarah kebudayaan.

bersejarah ini duduknya tidak berapa jauh dari bandar Muar kira-kira 3 km saja. Padang yang mempunyai keluasan lebih kurang 20 km persegi terletak di pinggir Bandar Maharani Muar membawa kepada dua tiga km hendak sampai ke Parit Jawa, telah menjadi terkenal pada zaman dulu dengan wakil pemerintahnya bergelar Orang Kaya. Pada zaman itu Bandar Maharani dan Parit Jawa belum ada lagi.

Penduduk asal Padang ialah orang Melayu, tidak ada suku kaum lain di situ dan suku kaum Jawa yang ada sekarang ini adalah pendatang baru yang berhijrah pada akhir kurun ke sembilan belas dan awal ke dua puluh. Muhamad Ibrahim bin Abdullah Munshi (Dato' Bentara Dalam) semasa melawat Padang pada tahun 1871 pun ada menyebutkan di dalam bukunya, sebelah barat Parit Jawa kira-kira tujuh batu jauhnya terdapat kediaman orang-orang asal di situ iaitu orang Melayu Padang. Mereka hidup senang dengan kebun-kebun pisang, dusun buah-buahan dan berniaga, tanahnya subur serta lautnya banyak ikan.

Dalam konteks adat perkahwinan mereka, setelah beratus tahun berlalu kita sukar hendak mengesan dan mempastikan bagaimana bentuk yang asal adat itu kerana tidak ada catatan atau buku mengenainya yang ditinggalkan untuk kita. Walau bagaimanapun kita cuba mencungkil adat lama itu daripada orang-orang tua yang masih hidup supaya dapatlah sedikit sebanyak gambaran adat lama itu dipaparkan kepada generasi baru sebagai satu warisan sejarah mereka sendiri. Sekarang mari kita tinjau kembali langkah-langkah yang mereka lakukan daripada mula sampai ke gerbang perkahwinan dan seterusnya sampai melahirkan anak.

MENGANGIN

Apabila seseorang teruna sudah sampai masa dan umurnya untuk mendirikan rumah tangga maka ibu bapanya pun mula meninjau dan mencari jodoh untuk anaknya. Tumpuannya ialah anak-anak gadis dari kaum keluarga mereka dengan tujuan tali persaudaraan itu dapat dirapatkan kerana hubungan persaudaraan dan kekeluargaan telah menjadi asas perhubungan sejak dari dulu lagi. Selain daripada rupa paras yang elok, latar belakang ibu bapa yang baik dan berharta juga menjadi ciri utama dalam pemilihan itu. Umurnya juga menjadi perhatian mereka di mana gadis-gadis yang berumur di antara 16 hingga 20 tahun akan menjadi pilihan utama. Kalau umur seseorang gadis menjangkau lebih 20 tahun maka gadis itu dikira sudah lebih umur kerana

anak-anak perempuan pada zaman itu memang tidak bersekolah kecuali belajar agama peringkat fardhu ain secara bersendirian dan berkelompok-kelompok. Dengan sebab itulah gadis-gadis yang masuk saja belasan tahun sudah bersedia untuk dikahwinkan.

Apabila sudah dipastikan seorang gadis yang dipilih itu maka pihak laki-laki akan menghantar wakil untuk Mengangin atau merisik kepada ibu bapanya sama ada ia setuju atau tidak. Kedatangan wakil itu dirahsiakan daripada orang ramai dan wakil itu sendiri biasanya kenal rapat dengan ibu bapa gadis itu. Selalunya ibu bapa itu akan meminta sedikit masa untuk berfikir dan berbincang dengan saudara dan waris terdekat mereka. Tidak berapa lama selepas itu barulah ia memberi jawapan sama ada menerima atau menolak.

Dalam pada itu pihak laki-laki dan perempuan pula akan melihat Raksi atau Petua untuk mendapatkan ramalan akan kesesuaian pasangan anak mereka itu. Raksi adalah satu jenis ilmu atau Petua yang dapat memberi tanda-tanda sama ada baik atau buruk kehidupan rumahtangga pasangan anak mereka itu. Melihat Raksi telah menjadi pegangan kuat kepada orang-orang Melayu sejak zaman berzaman bahkan hari ini pun masih ada lagi orang-orang Melayu di sini yang melihat Raksi apabila ia hendak memberi jodoh anak-anaknya. Apabila mereka dapati ada tanda-tanda buruk melalui Raksi itu, lamaran itu akan ditolak sama ada pihak perempuan atau pihak laki-laki. Asas ilmu Raksi ialah tanah, air, api dan angin. Kalau bertemu api dengan angin, itu menandakan tidak baik, hidup tiada aman dan selalu bergaduh. Tengoklah apabila api kena tiup angin, api akan menyala lebih marak lagi. Begitu juga kalau air dengan angin maka itu tanda tidak baik, rumahtangga selalu huru hara dan selalu berlaku pertelingkahan seperti air apabila ditiup angin maka berlakulah ribut taufan dan bergelombang besar. Tanah dengan api pun tanda tidak baik kerana ibarat api memang membakar walau pun secara diam-diam. Air dengan api pun dikira tidak berapa baik kerana sebelah keras sebelah lagi lembut tetapi dapat mengalahkan yang keras itu. Manakala yang baik ialah apabila bertemu antara tanah dengan angin di mana rumahtangga itu aman tenang tiada pertelingkahan tetapi yang baik sekali ialah tanah dengan air. Apabila bertemu tanah dengan air bukan saja rumahtangga itu aman damai tetapi juga murah rezeki dan hartanya sentiasa bertambah.

Ada beberapa jenis Raksi yang diamalkan oleh masyarakat dulu yang sekarang sudah ditinggalkan dan kalau ada pun orang yang tahu agaknya sukar hendak mencarinya. Selain daripada Raksi ada pula beberapa Petua

yang diambil kira. Misalnya pada masa wakil datang Mengangin, gadis itu tidak ada di rumah atau sedang menyapu sampah maka semuanya itu menandakan alamat tidak baik, sebaliknya kalau pada masa itu wakil datang gadis itu sedang memasak di dapur maka itu adalah tanda baik.

Selain daripada itu ada beberapa keputusan yang diambil daripada Raksi tadi secara keseluruhan, misalnya keputusan Raksi menunjukkan Abu Atas Tunggul yang mana keputusan ini satu tanda tidak baik, tiada kasih sayang yang kuat dan pasangan itu mudah bercerai. Tengoklah abu yang berada di atas tunggul kayu apabila ditutup angin mudah saja terbang. Ada pula tanda yang baik yang dinamakan Telaga Di Bawah Bukit yang mempunyai erti hidup aman damai, kasih mesra dan murah rezeki. Begitulah beberapa panduan atau petua yang diamalkan oleh orang-orang dulu yang sekarang kurang digunakan atau mungkin telah ditinggalkan langsung.

MEMINANG

Setelah melihat Raksi dengan keputusan yang baik maka barulah pihak laki-laki menghantar wakil pergi meminang gadis itu. Wakil yang pergi meminang itu terdiri daripada waris terdekat beberapa orang laki-laki dan perempuan. Dalam majlis meminang itu kedua pihak akan membincangkan tempoh masa pertunangan, wang penghantaran, tarikh perkahwinan dan perkara yang lain yang bersangkutan. Tempoh pertunangan biasanya antara satu hingga dua tahun dan kadang-kadang ada yang sampai tiga tahun. Wang hantaran pula biasanya dalam lingkungan seratus ringgit bagi orang yang berada dan lingkungan lima puluh ringgit dan lebih rendah daripada itu bagi orang kurang berada. Persalinan juga dibincangkan dan diputuskan dalam masjlis itu, ada yang dikatakan Serba Satu dan ada yang dikatakan Serba Berdiri. Serba Berdiri lebih lengkap dari Serba Satu iaitu sebentuk cincin, anting-anting atau gelinya, seutas rantai, butang baju, sepasang baju, kasut serta tudung. Serba Satu pula hanya sebentuk cincin, sepasang baju, kasut dan tudung.

Hari perkahwinan juga menjadi agenda penting yang dibincangkan pada hari itu. Hari Jumaat, Khamis dan Isnin menjadi pilihan mereka sejak dari zaman berzaman dan bulannya pula ialah bulan Islam. Bulan yang menjadi pilihan utama ialah bulan Syawal dan bulan Zulhijjah tetapi bulan yang paling pantang bagi mereka ialah bulan Safar kerana bulan itu bulan nahas, bulan Berapit dan bulan Sya'ban pun jarang dibuat. Bulan Berapit ialah

bulan Zulkaedah kerana bulan itu bulan nahas, bulan Berapit dan bulan Sya'ban pun jarang dibuat. Bulan berapit ialah bulan Zulkaedah kerana bulan itu tersepit di antara bulan Syawal dengan bulan Zulhijjah maka dinamakan bulan Berapit. Bulan Sulong Maulud, bulan pendua dan bulan Peniga ada juga orang buat tetapi jarang-jarang begitu juga bulan Mungsu Maulud. Awal dan akhir tahun juga tidak boleh buat kerja kahwin. Dalam satu tahun juga tidak boleh dua pengantin mesti bercerai tahun. Orang Melayu menggelarkan bulan Rabilawal bulan Sulong Maulud, bulan Rabilakhir bulan Pendua, bulan Jamadilawal bulan Peniga dan bulan Jamadilakhir bulan Mungsu Maulud.

Dalam hal menerima pinangan ini biasanya ibu bapa tidak bertanya kepada anak gadisnya sama ada ia bersetuju atau tidak, cuma mereka memberitahu dan anaknya akan akur saja keputusan ibu bapanya. Sungguhpun begitu ibu bapa kedua belah pihak telah membuat pertimbangan dan perhitungan dengan teliti akan kesesuaian pasangan anaknya itu. Selepas bertunang pemuda itu sangat ingin hendak melihat tunangnya, oleh itu diatur satu rancangan pada satu hari yang tertentu supaya pemuda itu dapat melihat tunangnya walau pun secara sepintas lalu. Misalnya pemuda itu diizinkan datang ke rumah tunangnya dan gadis itu disuruh keluar sebentar secara tidak langsung seperti menghantar minuman atau pemuda meminta izin ke bilik air maka pada masa itulah peluang yang ada untuk melihatnya. Masa lain memang tidak ada bahkan sebaliknya apabila anak gadis itu sudah bertunang, ibu bapanya akan mengawal lebih ketat lagi tidak dibenarkan keluar.

MENGHANTAR TANDA

Menghantar Tanda atau ada juga orang menyebut Putuscara adalah satu majlis perasmian pertunangan. Majlis ini dihadiri oleh keluarga dan saudara-saudara terdekat oleh ketua kampung dan imam serta orang tua-tua kampung. Pihak laki-laki akan datang membawa sebentuk cincin tanda, sepasang baju, sirih junjung, lain-lain hadiah iringan dan mukun. Mukun adalah satu komponen bahan-bahan mentah yang mengandungi tepung, gula pasir dan telur. Dalam majlis itu akan diterangkan segala perkara seperti apa yang telah diputuskan pada masa meminang dulu. Imam atau ketua kampung pula akan menerangkan adat bertunang dan pantang larang pertunangan termasuklah kalau berlaku putus tunang. Misalnya kalau pihak perempuan memutuskan pertunangan maka hendaklah ia memulangkan cincin tanda dan kena denda pula, sebaliknya kalau pihak laki-laki yang memutuskan pihak perempuan tidak perlu

memulangkan cincin tanda itu dan tidak dikenakan denda. Setelah selesai majlis itu seorang perempuan wakil pihak laki-laki akan masuk ke bilik menyarungkan cincin tanda tadi ke jari manis gadis yang ditunangi itu. Selepas itu barulah dibacakan doa selamat seterusnya jamuan diedarkan.

Cincin tanda yang dipakai oleh gadis itu pantang dibuka selama tiga hari, kalau dibuka ditakuti berlaku perkara yang tidak diingini, demikianlah kepercayaan orang-orang Melayu dulu. Manakala Mukun tadi akan dipulangkan kepada pihak laki-laki dalam bentuk kuih-kuih kira-kira seminggu selepas hati putuscara itu.

MENYERAMBI

Menyerambi adalah merupakan satu majlis bersuka-suka yang bertujuan hendak menguji kebolehan dan kepandaian bakal pengantin laki-laki itu membaca rawi, berlagu ataupun berqasidah. Majlis Menyerambi ini diadakan pada sebelah malam iaitu setelah selesai majlis Menghantar Tanda pada siangnya. Bakal pengantin laki-laki akan datang bersama beberapa orang sahabatnya yang mahir membaca rawi dan berqasidah. Biasanya atur cara yang disusun mula-mula sekali membawa tahtim kemudian diikuti dengan membaca rawi dan berlagu. Majlis ini akan selesai hingga larut malam. Bunga lagu atau latar belakang lagu yang masyhur pada zaman itu ialah lagu Majrul, manakala lagu yang biasa dibawa ialah lagu Manjakah, Ras, Hiraf, Dukah, Hijaz, Husaini, Sikah Masri, Ragbi, Masri Senakni dan lain-lain lagi. Semua lagu-lagu ini dibawakan pada masa mereka membawa rawi dan berqasidah. Lagu-lagu ini banyak yang sudah pupus kecuali lagu Sikah yang masih ada kedengaran lagi di kampung-kampung itu pun tidak ramai yang tahu.

Pihak perempuan akan berasa lega dan puas hati apabila mendengar bakal menantunya pandai membaca rawi dan berlagu. Dengan sebab itu apabila seorang pemuda hendak mendirikan rumah tangga, ia terpaksa belajar membaca rawi dan berlagu serta membaiki suaranya kerana suara yang baik akan memudahkan ia membuat lagu. Adalah menjadi satu keaiban kalau ia tidak boleh membaca rawi dengan baik sekurang-kurangnya pada masa ia menjadi pengantin. Oleh itu ia berlagu sekurang-kurangnya dapat membantu beliau dalam majlis Menyerambi itu.

Ada beberapa cara yang diamalkan untuk membaiki suara supaya nyaring, lapang dan bersih. Satu daripadanya ialah meminum air limau nipis yang

tidak bercampur dengan air lain kemudian duduk berdangkur pada tangga supaya segala lendir-lendir akan keluar bertali-tali sehingga habis rasanya lendir itu. Lepas itu minum air kelapa selama tujuh hari berturut-turut sebiji sehari, kemudian pantang pula menjerit, bercakap kuat atau seumpamanya selama empat puluh hari.

Di samping itu tidak boleh makan lauk pedas atau sambal-sambal pedas. Ada satu cara lagi ialah meminum air yang telah dibangaikan beberapa hari di dalam dulang tembaga yang hanyir rasanya di mana dengan rasa yang hanyir itu lendir-lendir akan keluar juga bertali-tali. Walau bagaimanapun cara ini ada risikonya kerana kalau salah caranya akan membawa penyakit pula. Begitulah pekanya bakal-bakal pengantin zaman dulu mengenai suara dan lagu sebab itulah orang-orang tua dulu yang masih hidup semuanya pandai berzanji dan berlagu.

BERINAI KECIL

Berinai Kecil ialah majlis berinai sehari sebelum majlis berninai besar di mana pengantin laki-laki dan perempuan tidak berinai bersama sebab itulah dinamakan berinai kecil. Selama beberapa hari sebelum kerja kahwin itu, kedua-dua rumah pengantin itu sudah sibuk membuat persiapan terutamanya kuih-muih, pelamin, bilik tidur dan sebagainya. Katil pada zaman dulu ialah katil besi, yang kaya pakai katil tembaga. Saudara-saudara yang jauh semuanya sudah sampai, mereka bergotong-royong menolong. Ada pula adat Hari Menggantung iaitu hari menggantung tirai dan kelambu serta perhiasan lainnya dalam bilik pengantin itu,. Semua keluarganya telah berhimpun dan membantu.

Ada yang menyumbang wang ringgit dan juga yang membawa bahan-bahan mentah seperti telur, beras, tepung, pulut, kuih-muih dan sebagainya. Mereka datang membantu dengan semangat kerjasama yang tinggi dan kasih mesra sebagai satu keluarga. Ini satu tradisi kekeluargaan yang sangat kuat pada zaman dulu yang sekarang sudah banyak berkurangan.

Pada sebelah siang sebelum adat berinai kecil pada amalamnya diadakan dulu Adat Pulih Rumah yang dilakukan oleh Tok Pawang dengan menepung tawar dan jampi mentera. Adat ini dilakukan setelah pasti semua alat memasak dan pinggan mangkuk sudah dikumpulkan di rumah itu. Tujuan Adat Pulih Rumah ini ialah untuk menjaga keselamatan bakal pengantin keluarganya dan semua orang yang ada berkumpul di situ daripada gangguan benda-benda ghaib atau perbuatan hasad dengki orang dan seumpamanya.

Lebih kurang lepas Isyak pada malam itu barulah pengantin laki-laki dan rombongannya datang untuk mengadakan majlis berinai kecil itu. Pengantin laki-laki memakai pakaian yang sederhana sahaja kerana malam itu bukan majlis kemuncak dan beliau duduk seornag sahaja di atas pelamin tidak bersama pengantin perempuan kerana mereka belum bernikah lagi. Setelah adat berinai dijalankan oleh beberapa orang saudara terdekat dengan bacaan doa selamat pada akhirnya maka tamatlah adat berinai kecil itu. Lepas itu jamuan diedarkan. Biasanya jamuan malam itu ialah roti jala atau ada juga orang menyebutnya roti urai yang dilawangkan kuah kari daging selain daripada kuih-muih dan minuman. Setelah pengantin laki-laki balik maka barulah diadakan berinai kecil untuk pengantin perempuan pula. Riuh rendah di antara keluarga dan saudara mara mereka pada malam itu hingga jauh malam.

MEMOTONG BERAJAN

Adat Memotong Berajan ini dibuat oleh Mak Andam secara senyap-senyap seolah-olah satu kerja sulit yang dirahsiakan kepada orang ramai bahkan kepada keluarganya sendiri melainkan kepada kedua ibu bapanya sahaja. Biasanya kerja ini dibuat pada sebelah petang sebelum malam akad nikah. Ibu bakal pengantin perempuan kena menyediakan beberapa alat yang diperlukan iaitu sebilah gunting, satu cermin muka kecil, benang, kunyit, lilin, tempat bara api dan satu gelok bekas air. Mula-mula sekali gadis bakal pengantin itu kena mandi dahulu. Setelah mandi ia kena pakai baju putih dengan rambut tidak dibenarkan bersikat hanya boleh dilap kering-kering sahaja. Lepas itu gadis itu hendaklah duduk bersila di hadapan Mak Andam dan Mak Andam pun memulakan kerja Memotong Berajan itu dengan membaca jampi serapahnya sambil mengusap kemenyan ke seluruh tubuh gadis itu. Kemudian Mak Andam itu akan memotong beberapa helai rambut pada bahagian ubun-ubun gadis itu sebanyak tiga kali. Kemudian Mak Andam itu akan mencukur atau memotong sedikit anak rambut yang ada pada ruangan dahi gadis itu. Semua rambut dan anak rambut itu pula disatukan seolah-olah menjadi satu ikatan kemudian diurutkan pula dengan lilin dan dipintal pada hujung pangkalnya. Kemudian ikatan rambut itu tadi direndam dalam gelok bekas air, kalau ikatan rambut itu pecah bererti gadis itu sudah tidak ada dara lagi, sudah tidak ada kesucian atau kata orang tua-tua ‘sudah ditebus tupai’.

Walau bagaimanapun perkara ini dirahsiakan oleh Mak Andam tidak

diberitahu kepada sesiapa pun melainkan kepada ibu bapa gadis itu sahaja kerana ini adalah perkara maruah gadis itu sendiri dan keluarganya. Kepada Mak Andam yang pandai tidak payah Memotong Berajan pun ia boleh dapat tahu dengan melihat pada masa pengantin itu bersanding sama ada gadis itu masih suci atau telah dinodai.

Setelah selesai Memotong Berajan itu, rambut yang telah dipotong tadi dibungkus dengan kain putih lalu ditanam oleh Mak Andam sendiri. Lepas itu bakal pengantin tadi ditepong tawar pula untuk memulihkan semangat dan menimbulkan seri mukanya serta menjauahkan gangguan syaitan atau hasad dengki orang. Orang zaman dulu memang suka hendak mencuba membuat orang seperti satu permainan sejauh mana ketahanan ghaib seseorang bakal pengantin itu lebih-lebih lagi kalau memang ada orang yang sakit hati kepadanya. Alat Tepung Tawar itu ialah beras giling, kunyit, bertih, daun ribu-ribu dan daun pulih. Kunyit itu digiling bersama beras.

Adat Memotong Berajan ini bukan sahaja dapat mengesan kesucian seseorang gadis tetapi juga dapat mengesan kesucian seseorang teruna, sama ada ia pernah melakukan persetubuhan atau memang bersih kelakiannya. Pada hari ini jarang adat Memotong Berajan ini dilakukan dan mungkin tidak ada atau sukar hendak mendapatkan Mak Andam yang tahu akan ilmu itu. Mungkin juga masyarakat hari ini tidak mengambil kira sangat perkara itu tetapi zaman dulu perkara ini sangat penting kerana pihak laki-laki akan mengesankannya melalui persetubuhan pertama dengan cara atau petua yang tertentu. Pengantin laki-laki yang sensitif dan peka akan mengambil tindakan sekiranya didapati isterinya telah dinodai akan kesucian gadisnya dengan meninggalkan terus isterinya itu. Perkara inilah yang sangat-sangat ditakuti oleh ibu bapa zaman dulu kerana ia menyentuh maruah dan nama baik ibu bapa dan seluruh kaum keluarganya.

BERINAI BESAR

Malam Berinai Besar ialah malam kemuncak bagi seluruh atur cara perkahwinan itu kerana pada malam itulah dijalankan Akad Nikah yang menentukan kedua pengantin menjadi suami isteri yang sah. Pada malam itulah baru disandingkan bersama di atas pelamin dengan disaksikan oleh semua kaum keluarga dan sahabat handai dan para tetamu sekalian. Maka sebab itulah malam itu dinamakan Malam Berinai Besar. Pada zaman dulu pengantin laki-laki dan pengantin perempuan rumahnya tidak berapa jauh

jaraknya kadang-kadang dalam satu kampung sahaja atau pun kampung-kampung lain yang yang berdekatan jauh sekali daripada daerah atau negeri lain seperti sekarang ini. Sebab itulah mereka boleh mengikuti atur cara perkahwinan itu dalam beberapa hari dan disambung pula dengan acara-acara lain selepas selesai majlis perkahwinan itu.

Pada malam Berinai Besar itu mula-mula sekali pengantin laki-laki dan rombongannya akan datang ke rumah pengantin perempuan dengan membawa wang hantaran, barang-barang kemas, persalinan, sirih junjung dan barang-barang iringan yang semuanya diletakkan di atas cipir tembaga. Semua barang-barang ini akan diserahkan kepada wakil pihak perempuan sebelum akad nikah dijalankan. Setelah akad nikah pihak perempuan pula mengeluar dan menyerahkan pula barang-barang balasan untuk pihak laki-laki. Biasanya pihak perempuan akan memberi lebih daripada pemberian pihak laki-laki, paling tidak lebih satu atau dua cipir. Lepas itu baharulah adat bersanding dan berinai dijalankan yang selalunya dilakukan oleh saudara-saudara terdekat laki-laki dan perempuan daripada dua pihak. Setelah selesai berinai dan berjamu-jamu pihak pengantin laki-laki pun memohon diri balik dengan membawa barang hadiah balasan daripada pihak perempuan tadi.

HARI LANGSUNG

Hari Langsung ialah hari pertama pengantin laki-laki datang ke rumah pengantin perempuan sebagai menantu baru kepada ibu bapa perempuan dengan sebab itu ada juga orang menyebut Menyambut Menantu. Sebelum pengantin laki-laki datang, pihak perempuan akan datang menjemput pengantin laki-laki dengan membawa Sirih Gatal. Sirih Gatal ini dibuat daripada beberapa helai daun sirih, beberapa kuntum bunga dan sehelai kain yang kecil kemudian diikat menjadi seolah-olah seperti sejambak bunga serta direnjis pula dengan air pewangi. Sirih Gatal ini akan diserahkan kepada pihak laki-laki yang menunjukkan pengantin perempuan menjemput pengantin laki-laki datang ke rumahnya. Sebab sirih itu dinamakan Sirih Gatal mungkin pengantin perempuan itu yang menjemput laki-laki seolah-olah ia hendak sangat sama seperti lebih kurang maknanya ‘lesung mencari antan’ dalam peribahasa Melayu dahulu. Walau bagaimanapun ini adalah dari segi bahasanya sahaja; sedangkan yang sebenarnya mereka telah menjadi suami isteri yang sah.

Mengikut kepercayaan orang Melayu Sirih Gatal ini perlu dihantar oleh pengantin perempuan dengan tujuan supaya perempuan itu tidak liar dengan

laki-laki lain atau pun tidak membuat perhubungan sulit dengan orang lain. Pada masa pengantin laki-laki datang Sirih Gatal itu akan dibawa bersama dipegang sendiri oleh pengantin itu sebagai satu permit untuk bersanding bersama isterinya di atas pelamin. Biasanya pengantin laki-laki dan rombongannya akan sampai di rumah pengantin perempuan kira-kira diantara pukul 1.00 hingga 2.00 petang diiringi dengan kompong dan selawat. Pihak perempuan pula akan menyambut pengantin laki-laki itu dengan paluan kompong juga; maka gegak gempitalah dan riuh rendah suasana pada masa itu. Dalam pada itu kadang-kadang berlaku juga ketegangan di antara kedua pasukan kompong itu apabila kompong sebelah perempuan tidak mau berhenti. Maka kompong sebelah laki-laki tidak boleh berhenti kerana mengikut adatnya kompong sebelah perempuan berhenti dulu kemudain barulah kompong sebelah laki-laki berhenti. Apabila berlaku ketegangan seperti ini terpaksalah penghulu atau imam atau pun orang yang berpengaruh campur tangan meredakannya, kalau tidak mungkin berlaku pergaduhan di antara dua pasukan kompong itu. Sebenarnya pihak perempuan tahu yang mereka mesti berhenti dahulu tetapi mereka memang hendak menunjukkan samseng dan hendak mempermainkan kompong laki-laki, sebab orang dulu memang kaki gaduh dan kadang-kadang memang sengaja dicari sebab untuk bergaduh. Perlu juga disebut bahawa kompong zaman dulu besarnya sampai di antara 14 hingga 16 inci garisan pusat dan mempunyai sedak rotan untuk menguatkan bunyi dan nyaring. Kompong ini juga disebut berana.

Ketibaan pengantin laki-laki dan rombongannya disambut oleh seorang perempuan sebagai wakil pengantin perempuan dengan menyimbah sedikit beras kiri kanan pengantin laki-laki seraya mempersilakan naik ke rumah. Mengikut kepercayaannya supaya kedua pengantin baru itu dimurahkan rezeki dalam penghidupannya berumahtangga. Setelah dapat lampu hijau itu barulah pengantin laki-laki dengan irungan seorang pengapitnya naik ke rumah, tetapi tersekat pada tangga tidak dibenarkan naik oleh beberapa orang yang memang sudah sedia menunggu di situ. Mereka semua itu berkehendakkan ‘Tebus Pintu’, selagi masing-masing belum dapat Tebus Pintu mereka tetap menghalang pengantin itu naik. Walau bagaimanapun pihak laki-laki memang sudah faham, ia datang memang sudah siap dengan Tebus Pintu yang memang dijangkakan. Peranan pengapit membahagikan seorang satu Tebus Pintu, setelah semua dapat barulah dibuka jalan untuk pengantin naik menuju ke pelamin. Sekali lagi pengantin laki-laki didudukkan oleh Mak Andam sambil menutup wajah muka pengantin perempuan dengan kipas. Dengan berbagai

helah jual mahal Mak Andam itu akhirnya dapat juga pengantin laki-laki itu duduk di sebelah isterinya pengantin perempuan setelah memberi ‘Tebus Pelamin’. Tebus Pintu dan Tebus Pelamin itu sebenarnya ialah duit yang dibungkus dengan cantik dan kemas. Tebus Pelamin biasanya lebih istimewa daripada Tebus Pintu, lebih banyak duitnya. Sebelum duduk pengantin laki-laki akan mencecahkan sedikit hujung Sirih Gatal tadi pada dahi pengantin perempuan dan meletak Sirih Gatal itu di atas peha isterinya. Duduk pengantin laki-laki itu pun ada caranya iaitu dengan memusing ke kanan punggungnya di hadapan pengantin perempuan, tujuannya kononnya supaya isteri itu sentiasa taat dan tidak membantah akan suaminya atau pun jangan isterinya mengatasi suaminya dalam kehidupan keluarganya. Setelah itu Mak Andam akan memusing-musingkan Sirih Gatal itu tiga kali keliling badan pengantin perempuan dengan serapah jampinya dan akhirnya meletakkan semula di atas riba pengantin perempuan itu semula. Selepas itu dijalankan adat berinai sekali lagi.

Pada hari langsung ini juga merupakan hari pertemuan dan bermesra di antara keluarga dan saudara mara mereka di samping berkenal-kenalan dengan pengantin laki-laki sebagai kerabat baru dalam keluarga mereka. Orang-orang dulu hubungan kerabat sangat diutamakan dengan sebab itu apabila satu keluarga hendak mengadakan kerja kahwin anaknya, kedua ibu bapa tuan rumah itu sendiri datang menjemput saudara-saudaranya, tidak boleh pakai kad seperti sekarang ini.

Jamuan pada itu biasanya ialah nasi beriani kambing. Nasi beriani yang asli ini susah sedikit membuatnya kerana memakan masa yang agak panjang dan sekarang ini jarang orang membuatnya kerana pada hari ini orang lebih suka mengambil jalan pantas dan mudah. Mengikut keterangan tukang masak, mula-mula sekali ketul-ketul daging kambing kira-kira setengah kati itu digodak atau digaul dengan rempah selama lebih kurang empat jam tidak berhenti-henti di dalam periuk gensing tanpa menggunakan api sehingga daging-daging itu mesra betul dengan rempah. Sudah cukup empat jam, daging itu ditutup dengan kain nipis atau kain kasa kemudian dimasukkan nasi setengah masak yang disebut ‘masak biji limau’. Ertinya dicampurkan dalam satu periuk gensing, daging di sebelah bawah, nasi di sebelah atas. Pada telinga periuk gensing itu disapu pula dengan tepung yang merupakan seperti gam, kemudian ditutup rapat-rapat serta diletakkan benda berat di atasnya seperti batu atau besi supaya ia rapat betul penutup itu. Selepas itu barulah diletakkan di atas tungku dengan menggunakan api yang sederhana.

Walau bagaimanapun bahan bakaran itu mestilah daripada kayu bakau atau kayu duku yang kering kerana kepanasan kayu itu cukup kuat dan sesuai untuk memasak nasi beriani yang baik. Tutup periuk gensing itu tidak boleh dibuka hingga keluar asap dari celah penutup periuk itu maka pada masa itulah baru dikira nasi beriani itu sudah masak dengan baik. Nasi beriani itu akan diisikan ke dalam pinggan hidang iaitu satu pinggan besar cukup kira-kira empat orang makan. Selain daripada itu ada lauk lain pula iaitu kari lembu dan lauk piring. Lauk piring ialah sambal garam lada untuk pelaju dan pembuka selera, acar, pacri dan pisang atau nenas untuk mencuci mulut.

Bagi tetamu jemputan pula akan datang tepat pada masanya yang biasa pada pukul 1.00 tengah hari dan bagi perempuan pukul 3.00 petang, tidak bersaing. Tidak ada jemputan sampai petang pukul 4.00 atau 5.00 seperti sekarang ini. Para jemputan pula akan datang dengan berpakaian kemas baju Melayu bersamping yang biasanya baju berwarna putih bersamping kain gerus atau kain sutera. Semua tetamu akan duduk di balai, tidak ada khemah seperti hari ini dan tetamu akan beredar serentak setelah semua selesai makan dan baca doa, tidak ada lepas makan cabut seperti sekarang ini. Makan serentak apabila sudah siap baru boleh makan begitu juga penyudah, apabila ketua balai kata ‘keluh kesah’ maka baru boleh beredar.

MAKAN BERDAMAI DAN MALAM TEMAN TIDUR

Pada malam itu iaitu setelah berlalunya hari berlangsung pada siangnya, pengantin laki-laki akan tidur di rumah pengantin perempuan bersama-sama dengan tiga atau empat orang sahabatnya sebagai ‘teman Tidur’. Pada malam itu juga diadakan ‘Makan Berdamai’. Mereka yang bersama-sama makan dengan kedua-dua pengantin itu ialah Mak Andam dan peneman tidur pegantin laki-laki tadi. Makan berdamai itu ialah makan kali pertama di antara pengantin laki-laki dengan isterinya. Biasanya kedua-dua pengantin itu tidak makan sangat lebih-lebih lagi pengantin perempuan di mana ia lebih merupakan sebagai pelayan sahaja kepada suaminya, itu pun disuruh-suruh oleh Mak Andam, kalau tidak ia akan membisu dan membantu sahaja tidak berbunyi sepatah kata pun. Mungkin kerana malu atau buat-buat malu, yang jelasnya memang begitu adatnya. Makan berdamai ini memang istimewa, lauknya banyak berjenis-jenis dan masakannya pun yang terbaik daripada yang lain-lain.

Pada malam itu juga pengantin laki-laki dan teman tidurnya akan berzanji

dan berlagu-lagu sampai jauh malam seperti malam menyerambi dulu. Setelah jauh malam, masing-masing pun sudah tidur maka barulah pengantin dan teman-teman tidurnya masuk bilik pengantin untuk tidur.

Pengantin perempuan belum tidur bersama suaminya pada malam itu. Pagi besoknya sebelum subuh pengantin laki-laki dan teman tidurnya sudah balik ke rumah masing-masing tetapi sebelum meninggalkan rumah itu mereka meninggalkan sedikit duit yang diselit-selitkan bersepah-sepah di celah bantal atau di celah tilam. Pada masa orang mengemas katil itu pada siangnya mereka akan mencari-cari duit itu menjadi satu kesukaan kepadanya. Memang adatnya begitu.

MANDI SAMPAT

Pada esoknya selepas makan tengah hari, pengantin laki-laki akan datang lagi ke rumah pengantin perempuan untuk upacara Mandi Sampat. Mandi Sampat ialah mandi beradat bersama pengantin oleh Mak Andam. Mandi Sampat ini dilakukan di balai atau di ambat. Ambat ialah bahagian penyambung di antara rumah ibu atau bahagian depan dengan bahagian belakang. Rumah Melayu Melaka atau rumah limas Johor memang ada bahagian yang dinamakan ambat itu. Rumah moden sekarang tidak ada lagi ambat. Kedua-dua pengantin akan dimandikan oleh Mak Andam. Satu anyaman yang dinamakan Jari Lipan yang dibuat daripada daun kelapa yang muda, seakan-akan anyaman yang biasa digantung oleh orang Hindu pada masa perkahwinan mereka akan disediakan. Pengantin laki-laki akan memegang pangkalnya manakala pengantin perempuan akan memegang di bahagian hujung. Pada masa mereka Mandi Sampat itu Jari Lipan itu akan ditarik hingga putus dan dalam masa yang sama Mak Andam akan membaca serapah menteranya. Selepas itu saudara-saudaranya yang di rumah itu mulalah bersimbah-sibah air di antara satu dengan lain seolah-olah macam satu pesta bersuka-suka, ada yang basah kuyub dengan hilai ketawa sesama mereka. Maka itulah dinamakan Mandi Sampat.

MENCUK

Upacara pada hari itu belum selesai lagi. Setelah Mandi Sampat selesai pada tengah hari, pada sebelah petang diadakan pula upacara ‘Mencuk’. Mencuk

ini pengantin laki-laki dengan pengantin perempuan akan disandingkan lagi di atas pelamin. Saudara-saudara dan sahabat handai serta jiran tetangganya akan datang lagi beramai-ramai sebagai memberi ucap selamat di samping memberi sumbangan wang ala kadar kepada kedua pengantin itu yang memang disediakan satu bekas. Mereka berdua diperkenalkan kepada waris-waris dan saudara-saudara tua pihak pengantin perempuan.

BERTANDANG

Kalau hari langsung kemuncak majlis di rumah pengantin perempuan maka Bertandang pula adalah kemuncak bagi rumah pengantin laki-laki. Pada hari itulah buat kali pertama pengantin perempuan menjejakkan kaki di rumah suaminya. Sebelum pengantin perempuan datang pengantin laki-laki kena datang dahulu ke rumah pengantin perempuan sebagai menjemputnya. Kedua-dua pengantin itu akan memakai pakaian pengantin selengkapnya dengan diiringi oleh saudara-saudaranya serta beberapa orang peneman tidur yang terdiri daripada gadis-gadis. Biasanya kedua pengantin itu akan sampai ke rumah pengantin laki-laki di antara pukul 1.00 dengan pukul 2.00 petang. Di rumah laki-laki kedua pengantin itu akan bersanding dan berinai. Selepas itu pengantin perempuan akan mengikuti majlis khatam *Al-Quran* di mana ia akan membaca semua ayat lazim dan doa. Malam itu pengantin perempuan akan tidur di rumah laki-laki dengan ditemani oleh rakan teman tidur dan seorang dewasa. Besoknya lepas makan tengah hari barulah pengantin perempuan dengan suaminya balik ke rumahnya.

MALAM MASUK TIDUR

Malam Masuk Tidur ialah malam pertama kedua-dua pengantin itu tidur bersama di dalam bilik yang telah dihias dengan begitu indah dengan segala alatan yang serba baru. Malam inilah yang ditunggu-tunggu oleh pengantin laki-laki dengan penuh debaran tetapi telah bersiap sedia menghadapi suasana dan keadaan yang belum dialaminya. Begitu juga bagi pihak perempuan lebih-lebih lagi, takut, malu, segan, seram semuanya ada. Pada peringkat ini ibunya terpaksa memainkan peranan penting disuruh anaknya mengajak suaminya masuk tidur. Biasanya anaknya akan mengikut arahan ibunya. Dalam bilik itu biasanya mereka akan bercakap-cakap dan berbual-bual sambil minum-

minum dan menjamah kuih-muih yang memang telah disediakan. Perbualan mereka akan lebih hidup kalau pengantin laki-laki pandai memain peranan perbualan. Yang paling melucukan ialah apabila sampai ketika hendak baring, diberitakan kadang-kadang dia lari keluar bilik mencari emaknya dan berkeras tidak mahu masuk bilik tidur bersama suaminya. Dalam keadaan begitu emaknya terpaksa memain peranan manakala bapanya tidak masuk campur, dia buat tidak tahu saja.

Setelah puas dipujuk oleh emaknya, kadang-kadang terpaksa dia mencubit punggung anaknya barulah dia mahu masuk semula. Apabila dia sudah masuk timbul pula masalah lagi di mana dia membisu seribu bahasa dan mendiamkan diri seperti kayu mati. Walau bagaimanapun ini semua bergantung kepada kebijaksanaan suaminya. Kalau suami yang bijak, yang lemah lembut dan pandai mengambil hati mungkin perkara ini menjadi mudah. Keadaan seperti ini adalah perkara biasa pada zaman dulu dan pengantin laki-laki terpaksalah banyak bersabar seperti kata pepatah Melayu ‘tak kemana gunung dikejar, lambat laun akan berhasil juga’. Dua tiga hari baru ‘baik’ adalah biasa berlaku, kadang-kadang sampai seminggu dan pernah diberitakan sampai sebulan baru ‘baik’, bahasa ‘baik’ ertinya sudah dapat bersatu.

Satu perkara yang melucukan ialah malam pertama masuk tidur itu ada saudara-saudara yang masih ada di rumah itu yang muda-muda yang telah berumahtangga mengambil peluang mengintip dan memasang telinga masing-masing apa yang berlaku dalam bilik pengantin baru semacam satu kesukaan pula kepada mereka dan orang-orang tua tidak pula membantah atau menahan perbuatan mereka itu, agaknya memang begitu.

Dalam bilik pengantin itu juga tuan rumah telah menyediakan satu tepak sirih yang mengandungi sirih, pinang, gambir, kapur dan tembakau serta sekaki payung hitam. Semua benda ini ada guna dan maknanya yang tertentu kepada pengantin laki-laki dan kepada kedua ibu bapa pengantin perempuan.

Pada pagi esoknya saja pengantin laki-laki itu sudah ‘baik’ dan mendapat kehormatan isterinya memang asli maka ia akan pergi menyembah bapa mertuanya. Lepas itu dia keluar ke halaman rumah sambil mengembangkan payung hitam yang disediakan itu sekejap. Ini semang memang difahami oleh kedua ibu bapa pengantin perempuan serta orang-orang tua jiran berhampiran. Sebaliknya kalau pengantin laki-laki tadi mendapat kesucian kehormatan isterinya telah ternoda maka ia akan membuang salah satu daripada lima perkara yang disediakan di dalam tepak sirih tadi serta menyembah bapa

mertuanya dan tidak mengembangkan payung hitam. Ia akan terus balik ke rumahnya. Keputusan akan dirunding di antara dua pihak, kadang-kadang perkahwinan itu diteruskan tetapi kena denda, kadang-kadang putus terus, jarang-jarang perkara itu disenyal begitu saja kerana perkara itu adalah perkara sensitif. Inilah perkara yang sangat ditakuti oleh kedua ibu bapa kepada anak gadisnya apabila dia mendirikan rumahtangga. Sebaliknya kalau semuanya baik maka amat gembiralah mereka. Dalam hal ini pengantin laki-laki memang ada belajar lebih dulu sebelum mendirikan rumahtangga cara dan kaedah mengesannya. Pada hari ini rasanya tidak lagi dipelajari dan diamalkan oleh bakal-bakal pengantin dan mungkin ilmu itu telah luput ditelan zaman.

Setelah baik, pasangan pengantin bari itu akan pergi pula berziarah ke rumah saudara-saudara terdekat dan kadang-kadang mana yang jauh kena tidur pula. Saudara-saudara itu akan memberi hadiah pula kepada pengantin baru itu sebagai tanda muhibah persaudaraan baru dalam kerabat mereka. Kadang-kadang makan masa sampai sebulan kalau keluarga dua pihak itu ramai dan jauh-jauh pula.

MANDI TIAN

Kalau diizinkan Tuhan, apabila isteri muda itu hamil genap tujuh bulan yang dinamakan bunting sulung maka diadakan pula adat Mandi Tian. Mandi Tian ini dilakukan oleh Mak Bidan dengan disaksikan oleh kaum keluarganya. Kadang-kadang ada juga suami yang tidak mahu mandi bersama kerana malu atau sebab lain yang tidak dapat dielakkan maka dibolehkan ganti dengan batu lagan atau batu giling yang biasa digunakan orang menggiling rempah. Mengikut kepercayaan orang-orang Melayu dulu, tujuan Mandi Tian ini ialah untuk menolak bala kepada suami isteri dan anak kandungannya itu. Selepas Mandi Tian itu, suami isteri itu dijamu makan pulut kuning dan pulut hitam serta dengan doa selamat sekali. Adat Mandi Tian ini dilakukan ketika bunting sulung sahaja.

BERLENGGANG PERUT

Satu lagi adat orang dulu ialah adat Berlenggang Perut. Tujuan adat ini ialah untuk menjaga anak kandungan itu supaya tidak menyongsang dan betul kedudukannya. Dengan melakukan adat Berlenggang Perut ini juga Mak

Bidan dapat meramalkan kandungan itu anak laki-laki atau anak perempuan. Caranya, mula-mula sekali perempuan itu dibaringkan di atas tiga lapis kain batik lepas. Kain batik lepas ini ialah kain batik yang tidak berjahit sama seperti kain ihram orang membuat haji di Mekah. Mak Bidan dengan dua orang pembantunya akan menggolek-golekkan badan perempuan itu perlahan-lahan ke kiri dan ke kanan beberapa kali dengan serapah jampi menteranya. Selepas itu kain batik lepas tadi akan ditarik seorang sehelai hingga habis dan ditutup dengan kain lain pula.

Ada pun anak kandungan itu pula dapat diramalkan dengan menggunakan sebiji telur ayam kampung. Dengan petua dan serapah jampi serta kaedah yang tertentu, telur ayam itu akan pecah, maka itu menandakan anak kandungan itu ialah perempuan. Sebaliknya kalau telur itu tidak pecah maka itu menandakan anak laki-laki.

KELAHIRAN ANAK

Kelahiran anak adalah saat yang paling ditunggu-tunggu dengan penuh debaran oleh suaminya dan keluarga dua-dua belah pihak. Mak Bidan sudah dipanggil apabila nampak saja tanda-tanda kelahiran itu dan Mak Bidan itu sudah tentu bidan kampung. Kalau berlaku di tengah malam, suaminya terpaksa bersengkang mata menunggunya. Sebelum itu di bawah rumah bilik di mana kelahiran itu akan berlaku, daun-daun mengkuang telah disediakan dan diletakkan di situ beberapa pelepas. Pokok mengkuang seakan-akan sama seperti pokok pandan yang biasa dibuat tikar dan lain-lain anyaman orang Melayu dulu. Daun mengkuang juga boleh dibuat alat-alat anyaman seperti itu tetapi keras sedikit kerana urat-uratnya lebih kasar. Daun mengkuang mempunyai duri yang tajam pada pelelehnya.

Tujuan daun mengkuang itu diletakkan di bawah rumah dan di bawah bilik itu ialah untuk menghalau hantu pontianak dan penanggalan iaitu dua jenis hantu yang berambut panjang menghurai tetapi tidak mempunyai badan. Ia boleh mneyerupakan dirinya seperti manusia dengan bunyi mengilai yang sungguh menyeram dan menakutkan. Pada zaman dulu pontianak dan penanggalan ini sangat bermaharajalela, terbang ke sana ke mari pada waktu malam mengacau dan mengejar manusia. Ia sangat suka menghisap darah orang bersalin. Maka dengan sebab itu daun-daun mengkuang yang berduri tajam itu perlu diletakkan di bawah rumah orang yang hendak bersalin kerana hantu-hantu itu takut kepada duri-duri tajam daun mengkuang itu.

Apabila bayi selamat dilahirkan maka segera dia diazankkan pada telinga kanan dan diqamatkan pada telinga kiri perlahan-lahan supaya bayi itu dapat mendengar kalimah tauhid lebih dulu daripada perkataan-perkataan lain dengan harapan semoga bayi itu menjadi orang yang beriman dan bertaqwah apabila ia dewasa kelak. Selepas itu bayi itu diletakkan di dalam dulang yang telah dibentangkan tujuh lapis kain songket serta telah ditaburkan sedikit beras di bawah kain songket itu. Bayi itu akan berada di dalam dulang itu selama tujuh hari. Kain songket itu akan ditarik keluar sehelai sehari, selepas itu barulah dipindahkan ke atas tilam. Beras yang ada di dalam dulang tadi akan dibuat bubur dan disedekahkan kepada kanak-kanak. Dalam masa tiga hari bayi itu belum lagi diberi susu ibunya sebaliknya hanya diberi madu lebah yang dicampurkan dengan air panas. Caranya ialah diambil sedikit kain putih, digulung menjadi seperti puting susu kemudian dicelup ke dalam madu yang telah bercampur dengan air panas lalu diberi kepada bayi itu. Itulah saja yang dihisapnya selama tiga hari dan selepas itu barulah diberi susu ibunya.

Selepas tiga bulan pula barulah bayi itu mulai diberi makan nasi lembik yang dilicik pada tempurung kelapa. Tujuan dilicik pada tempurung kelapa itu mengikut kepercayaannya ialah supaya bayi itu rapat dan erat dengan keluarganya apabila ia dewasa kelak walaupun ia merantau jauh di negara orang. Dalam masa yang sama bayi itu sentiasa dibedung atau dibungkus rapat-rapat kecuali mukanya saji. Tujuannya supaya bayi itu tidak sejuk dimasuk angin dan supaya anggota badannya elok tidak bengkok atau sebagainya.

Pada hari ketujuh diadakan pula adat ‘Memotong Jambul’. Pada hari itu juga rambut bayi itu akan dicukur habis dan ditimbang pula. Keberatan rambut dinilai dengan harga keberatan emas yang sama dan nilai duit itu disedekahkan kepada kanak-kanak, khasnya anak-anak yatim. Pada hari itu juga bayi itu diberi nama yang dipilih daripada nama yang baik-baik seperti nama nabi-nabi, nama para sahabat atau nama ulama-ulama yang terkenal. Adat Memotong Jambul ini masih berjalan lagi sekarang ini tetapi telah diubah sedikit caranya daripada yang asal. Hari ini rambut bayi itu tidak lagi dicukur tetapi dipotong sedikit sahaja. Ada pun alat-alatnya sama seperti dulu juga iaitu bertih, beras kunyit, tepung tawar iaitu beras yang telah digiling dan dicampurkan dengan sedikit air, daun pulih, daun ribu-ribu serta sebiji buah kelapa muda. Buah kelapa itu dipotong tampoknya dengan sedikit ukiran serta dicucuk dengan bunga-bunga buatan di keliling mulut buah kelapa itu. Sebelum adat Memotong Jambul ini dimulakan, para tetamu

berdiri membuat marhaban maka pada masa itu bayi dan alat-alat memotong jambul dibawa kepada tetamu. Memotong jambul ini dimulakan oleh tuan imam dulu kemudian barulah diikuti oleh orang lain yang biasanya dilakukan oleh tiga orang atau lima orang atau pun tujuh orang iaitu mesti ganjil, tidak boleh genap. Biasanya semua tetamu akan memberi sedikit duit dengan memasukkan ke dalam buah kelapa itu dan duit itu akan dibuatkan pula barang kemas seperti cincin atau rantai serta dipakaikan kepada bayi itu.

NAIK BUAIAN

Adat Naik Buaian ini biasanya dibuat selepas pantang empat puluh hari, tetapi ada juga orang buat selepas bayi itu pandai merenek atau tahu menangis, tidak kira sama ada sudah lepas pantang atau belum. Sebaliknya ada juga orang buat Naik Buaian itu pada hari ketiga, hari ketujuh atau pun apabila bayi itu sudah tanggal tali pusat. Naik Buaian ini dibuat oleh Mak Bidan. Benda-benda yang tuan rumah mesti sediakan ialah seekor ayam jantan muda kalau bayi itu perempuan sebaliknya kalau bayi laki-laki maka ayamnya mestilah ayam betina yang dara. Selain daripada itu ialah duit seringgit dua puluh lima sen. Selepas selesai upacara itu duit dan ayam itu akan diambil oleh Mak Bidan. Beberapa daun kayu yang telah dijampi akan diletak di bawah buaian bayi itu untuk menghalau hantu syaitan yang cuba hendak mendekati dan mengacaunya. Akhir sekali ialah bacaan doa selamat dengan bubur putih bubur merah.

Satu lagi adat yang masih diamalkan hingga hari ini ialah ‘Sunat’ bagi bayi perempuan. Kerja ini dilakukan oleh Mak Bidan atau orang-orang tua yang berpengalaman. Masanya tidak tetap yang selalunya dibuat dalam masa pantang empat puluh hari. Bagi kanak-kanak laki-laki pula ‘Sunat’ ini dibuat apabila kanak-kanak itu sudah berumur antara 8 tahun hingga 10 tahun tetapi ada juga yang membuatnya lewat daripada itu. Kerja ini dibuat oleh Tok Mudim kampung tetapi sekarang semuanya pergi ke hospital atau klinik swasta.

PANTANG LARANG DALAM HARI

Mengikut adat lama orang Melayu di sini, ibu-ibu yang baru bersalin banyak pantang larang yang mesti diikuti dan dipatuhi. Semua pantang larang itu

mempunyai tujuan yang tertentu untuk faedah kepada ibu-ibu yang bersalin itu sendiri. Dalam hal ini biasanya ibu atau emak kepada ibu bersalin itu akan memainkan peranan penting menjaga dan mengawasi sepanjang masa supaya anaknya mematuhi segala pantang larang itu dan senitasa menasihati supaya pantang larang itu diikuti. Segala pantang larang itu berjalan selama empat puluh hari yang asasnya tetapi ada beberapa perkara yang berjalan terus lebih dari empat puluh hari bahkan ada yang diamalkan terus sepanjang masa. Di antara pantang larang dalam masa empat puluh hari ialah:

1. Tidak boleh baring tetapi hendaklah duduk menyandar. Tujuannya ialah supaya darah mengoyan atau darah kotor tidak naik ke kepala kalau tidak mata mudah jadi kabur penglihatan.
2. Pada masa bangun jangan menggunakan kekuatan perut dan pinggang tetapi hendaklah menggunakan kekuatan tangan dengan berpaut pada tali yang memang telah digantung dekat ibu itu bersandar. Tujuannya supaya tempat peranakkannya tetap tidak berubah kedudukannya daripada yang asal.
3. Tidak boleh mengiring ditakuti tempat peranakkannya berubah.
4. Tidak boleh makan benda-benda sejuk seperti timun, labu, pisang mentah dan lain makanan sejuk.
5. Makan nasi tidak boleh berkuah, boleh bercampur air asam jawa supaya menimbulkan selera. Ikan tidak boleh digoreng tetapi dibakar sahaja.
6. Banyakkan minum air lempoyang yang bercampur air asan supaya perut cepat kecut dan badan sentiasa panas.
7. Perut hendaklah dibengkung atau diikat dengan kain yang panjangnya kira-kira dua puluh kaki dibelit dengan kuat dari bahagian bawah perut sampai ke bawah dada. Tujuannya supaya perut menjadi tegang dan tidak buncit dan awet muda.
8. Telinga hendaklah disumbat dengan bawang putih supaya tidak masuk angin.
9. Hendaklah banyak minum ubat periuk dari jenis akar-akar kayu yang pahit-pahit dan kelat untuk memulih dan membersihkan darah.

10. Hendaklah sentiasa memakai baju tebal dan kaki mestilah berbungkus supaya tidak sejuk.
11. Ibu jari kaki hendaklah dibungkus dengan lada hitam dan dibalut dengan kain supaya tidak masuk angin dan untuk hendak mengelak daripada berlaku pitam.
12. Tidak dibenarkan minum air, minuman hanya sekadar basah tekak saja. Kalau haus sangat, dibenarkan minum kopi dengan menggunakan gula kelapa. Ini semua untuk menjaga perut supaya tidak buncit dan perut sentiasa tegang serta ramping seperti seorang yang belum pernah bersalin.
13. Selepas mandi hendaklah disapukan dengan param. Param ialah bedak yang dibuat daripada beras yang dicampur dengan daun-daun kayu serta dibubuh sedikit air. Param ini disapu di serata badan, tujuannya untuk menutup liang-liang bulu romah daripada dimasuki angin.
14. Mandi Pecal iaitu mandi daripada air yang telah dicampur dengan kunyit dan daun-daun kayu dan air ini hendaklah dijemur dahulu sebelum dibuat mandi. Misalnya kalau mandi di sebelah petang, air itu hendaklah dijemur dari pagi. Mandi Pecal dibuat selama 3 hari.
15. Selepas mandi ibu yang bersalin itu hendaklah berganggang dengan api di bawah kelengkapannya. Ini ialah supaya semua urat-urat menjadi kecut, panas dan berpeluh.
16. Ibu yang bersalin itu juga hendaklah selalu Bertungku. Bertungku ialah meletakkan atau menuam perut dengan sebiji batu sebesar lebih kurang lutut yang telah dipanaskan atau telah dipanggang di atas api kemudian dibungkus dengan kain lalu dituam perlahan-lahan pada perut. Tujuannya supaya perut tidak buncit dan cepat kecut.
17. Dilarang makan makanan jenis berminyak dan pedas. Ibu-ibu yang bersalin itu hanya diberi makan nasi dengan berlaukkan ikan bakar, sedikit air asam dan lempoyang yang telah ditumbuk. Kalau ingin sangat hendak makan lauk berkuah, maka dibenarkan makan lauk masak pindang iaitu sejenis masakan yang tidak pedas, tidak berminyak seperti masak rebus saja. Masakan itu juga mesti banyak masuk halia dan bawang putih untuk tujuan buang angin.

18. Tiga bulan lepas hari atau lepas pantang yang dijalankan selama empat puluh hari itu, suaminya belum lagi dibenarkan bersatu. Ini dikawal ketat oleh ibunya dan ini memang difahamî oleh si suami itu, apa boleh buat ia terpaksa banyak bersabar. Dengan itu bererti suaminya terpaksa puasa batin hampir lima bulan sejak dari sarat mengandung hingga lepas hari dan disambung pula pantang tiga bulan itu. Ini semua untuk mengelak rapat sangat bersalin dan untuk mempastikan isteri itu cukup sihat serta cukup bersedia bagi menghadapi suaminya di samping juga cukup sihat untuk melahirkan anak yang berikutnya.
19. Tidak boleh kena hujan.
20. Hendaklah selalu sedut jintan hitam pada hidung untuk menahan jangan masuk angin.
21. Tidak boleh makan ikan bersengat seperti ikan pari, ikan belukang, ikan duri, ikan sembilang, ikan mayong, udang dan lain-lain. Ikan yang boleh dimakan ialah ikan bawal, ikan pacal, ikan tenggiri, ikan caru, bilis dan lain-lain lagi jenis ikan yang tidak bersengat.
22. Buah-buahan pun tidak boleh makan termasuklah juga segala jenis pisang kecuali pisang nipah, itu pun mesti dibakar tidak boleh digoreng apatah lagi makan mentah. Walau bagaimanapun kalau hendak makan sangat sedikit buah-buahan dibenarkan tetapi ada caranya iaitu dihiris sedikit lalu dibuang ke tanah sambil berkata ‘Bentan engkau bumi, bentanlah aku’. Bahagian buah yang tinggal itu barulah boleh dimakan.
23. Kalau hendak berjalan di luar rumah perlahan-lahan dibenarkan tetapi ada caranya juga iaitu hendaklah memijak besi dahulu sebelum keluar rumah. Besi itu bolehlah apa jenis besi seperti pisau, gunting, paku atau seumpamanya. Lepas itu baru keluar dan pada masa ia di luar rumah itu hendaklah pula dibekalkan besi juga pada tangannya seperti pisau atau apa-apa asalkan besi.
24. Hendaklah sentiasa berjaga-jaga jangan sampai terantuk ibu jari kaki, tersepak atau sebagainya. Maka dengan sebab itu ibu-ibu yang dalam hari dipantang melangkah bendul. Rumah-rumah Melayu dulu memang ada bendul dan dengan sebab itu untuk hendak mengelak jangan terhantuk ibu jari dinasihatkan bendul itu dipijak jangan dilangkah.

TUJUAN PANTANG LARANG

Semua perkara pantang larang yang sangat-sangat dijaga dan patuhi bagi ibu yang dalam hari itu ialah untuk menjaga kesihatan dan kekuatan zahir dan batin ibu-ibu itu sendiri bukan saja untuk dalam hari bahkan juga untuk jangka panjang masa depan mereka. Ibu-ibu yang mengikuti pantang larang itu dengan betul akan memperolehi ketahanan badan yang memuaskan. Ia boleh melahirkan anak seberapa ramai dan mempunyai kekuatan untuk bekerja, berkebun, bertani, menoreh getah dan sebagainya. Pada zaman dulu belum ada klinik bersalin dan belum ada hospital di mana semua kes-kes sakit diubati dan dirawati mengikut cara tradisional. Pada masa mula-mula ditubuhkan hospital pun mereka masih kuat lagi berpegang kepada ubat dan rawatan tradisional itu khususnya masyarakat kampung.

Perkara kedua tujuan pantang larang ini ialah untuk mngelak berlaku 'bentan'. Ada dua jenis bentan kepada ibu-ibu yang bersalin. Satu dinamakan 'Bentan Kemangun' dan satu lagi 'Bentan Urat' namanya. Bentan Kemangun adalah bentan yang sangat merbahaya dan sangat ditakuti oleh ibu-ibu yang bersalin. Bentan Kemangun ini biasanya akan berlaku kira-kira seminggu lagi hendak lepas hari. Apabila ibu-ibu yang bersalin kena bentan itu berbagai-bagai penyakit akan diterimanya seperti keular darah dari rahim, dari mulut, dari hidung, badan menggigil, gigi terkunci tidak boleh bercakap, demam dan sebagainya. Ada kala boleh membawa maut. Bentan Urat pula berlaku lepas hari. Bentan ini tidak teruk sangat seperti bentan kemangun tadi. Walau bagaimanapun dua-dua bentan akan menjelaskan kesihatan ibu-ibu yang bersalin itu dan mengambil masa yang agak lama juga untuk menyembuhkannya. Sebab itulah ibu-ibu yang dalam hari sangat-sangat dijaga supaya mematuhi pantang larang itu.

PENUTUP

Pada hari ini banyak adat lama orang Melayu sudah ditinggalkan bahkan ramai generasi baru tidak kenal dan tidak tahu langsung adat-adat lama itu. Oleh yang demikian ia akan hilang dan lenyap satu demi satu ditelan zaman. Banyak perkataan, ungkapan dan istilah lama-lama orang Melayu sudah tidak digunakan dan tidak dapat difahami oleh generasi baru sekarang ini.

Orang-orang tua yang tahu selok belok adat lama itu pun susah hendak ditemui pada hari ini khasnya yang mahir dalam bidang adat lama

perkahwinan. Begitu juga dalam bidang-bidang lain seperti pawang, dukun dan mak andam yang mengamalkan berbagai kemahiran yang begitu berkesan pada zaman dulu sukar hendak dicari pada hari ini. Ini adalah kerana keyakinan orang-orang sekarang tidak ada lagi pada ilmu-ilmu tradisional itu, mereka lebih menumpu dan mempunyai keyakinan kepada ilmu perubatan moden.

Apa yang dapat ditulis dan dikumpulkan ini sedikit sebanyak dapat menggambarkan bentuk lama adat perkahwinan dulu yang boleh menjadi tatapan kepada generasi baru sekarang. Banyak adat lama itu telah diubahsuai serta diringkaskan bahkan setengah-setengah daripadanya telah ditinggalkan terus. Perubahan ini berlaku kerana suasana dan keadaan yang tidak dapat dielakkan. Dulu pemuda semuanya duduk di kampung tetapi sekarang ramai yang bekerja dan duduk di luar kampung, di luar daerah dan di luar negeri. Dulu mereka banyak masa yang terluang untuk mengikuti agenda adat perkahwinan yang banyak satu demi satu itu tetapi sekarang masa mereka terlalu terhad. Kegiatan dan pelajaran lain yang lebih berpengaruh banyak di keliling mereka pada sepanjang masa. Mereka memohon maaf kepada ibu bapa dan keluarga mereka kerana tidak dapat mengikut semua atur cara adat perkahwinan itu dan ibu bapanya terpaksa akur. Oleh sebab itulah banyak atur cara terpaksa ditinggalkan seperti Menyerambi, Berinai Kecil, Mandi Sampat, Mandi Tian, Memotong Berajan dan lain-lain lagi bahkan nama-nama adat itu sendiri tidak lagi disebut orang sekarang ini. Pada hari ini tidak ramai generasi baru yang boleh membaca berzanji dengan baik manakala lagu-lagu klasik lama yang pada satu masa dulu telah memenuhi kesunyian malam telah tidak kedengaran lagi. Tidak ada pemuda yang bertandang hingga larut malam berlajar dan berlagu yang menjadi kegemaran dan menjadi perhatian gadis-gadis, semuanya telah hilang lesap disatu zaman. Apa yang tinggal hanya pusara kenangan yang tidak mungkin kembali lagi. Itulah proses pesejarahan di mana yang dulu kembali dulu yang kemudian menunggu giliran.

RUJUKAN

JUHAR, Jurnal Sejarah Johor, terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Johor, Bil. 3, November 1984.

Dua kali temubual dengan Encik Haron bin Abd. Manap, lahir 1917, seorang guru lagu dan seorang yang banyak mengetahui adat lama perkahwinan orang Melayu Muar.